

Kerajaan negeri digesa serius tangani denggi

KUALA KUBU BHARU - Kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu serius menangani denggi dengan tindakan pencegahan secara berterusan berikutan terdapat beberapa kes jangkitan di daerah ini.

Ketua MCA Bahagian Hulu Selangor, Datuk Wong Koon Mun berkata, kes jangkitan itu turut menyumbang kepada jumlah kes di negeri ini yang masih berada di tahap tinggi berbanding negeri lain.

Menurutnya, masih terdapat tempat pembuangan sampah yang tidak diselenggarakan dengan baik selain kewujudan lokasi haram di tepi jalan raya atau berdekatan kawasan penempatan.

"Memang ada usaha dilakukan mereka (kerajaan negeri) tetapi akan tidak bersungguh apabila kes denggi kerap berlaku.

"Denggi boleh bawa maut maka tindakan menyeluruh perlu dilaksanakan bagi memastikan kawasan penempatan bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.



Koon Mun menyampaikan sumbangan dan buah ilmu ketika menziarahi pesakit di Hospital Kuala Kubu Bharu.

"PBT perlu lihat semula skop kerja pembersihan termasuk memabitkan kontraktor yang dilantik memandangkan tahap kebersihan bukan berada di paras yang baik," katanya ketika menziarahi pesakit sempena Tahun Baharu Cina di Hospital Kuala Kubu Bharu.

Koon Mun berkata, terdahulu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pernah menempekak kerajaan negeri kerana membiarkan negeri ini merekodkan kadar kes denggi tertinggi di negara ini sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, masalah itu tidak akan berlaku sekiranya penjagaan alam sekitar diberikan tumpuan sepenuhnya oleh pihak berkuasa negeri untuk mengawal merebaknya nyamuk aedes.

"Masih banyak lokasi pembuangan sampah haram dan seperti tiada tindakan diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

"Kesannya adalah kepada rakyat yang terdedah kepada risiko bahaya demam denggi dan ini satu perkara yang sangat membimbangkan," katanya.